

09 MAR 2000

Mahathir-Acheh

KL ANGGAP MASALAH ACHEH SEBAGAI MASALAH DALAMAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Syed Jamil Jaafar

JAKARTA, 9 Mac (Bernama) -- Malaysia menganggap masalah Aceh sebagai masalah dalaman Indonesia dan tidak mahu melihat wilayah itu terpisah daripada republik itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dasar Malaysia ialah tidak membantu apa-apa pergerakan pemisahan, kata beliau semasa menjawab soalan wartawan Indonesia berhubung pendirian Malaysia mengenai masalah Aceh pada sidang media bersama dengan Presiden Abdurrahman Wahid di Istana Negara di sini.

Ketika ditanya apakah Malaysia bersedia memainkan peranan orang tengah bagi menyelesaikan masalah Aceh, Dr Mahathir berkata beliau baru-baru ini berkesempatan menemui beberapa pemimpin agama dari Aceh dan beliau memberitahu mereka bahawa Malaysia ingin melihat Aceh kekal sebagai sebahagian daripada wilayah Indonesia.

Mengenai autonomi bagi wilayah itu, Dr Mahathir berkata terpulanglah kepada pihak-pihak berkenaan untuk berunding mengenainya.

Kata Perdana Menteri, setakat itu sahaja peranan Malaysia.

Dr Mahathir tiba di sini pagi ini, untuk lawatan rasmi sehari bagi mengukuhkan setiakawan antara Malaysia dan Indonesia, dua negara jiran terdekat.

Dr Mahathir diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan rombongan yang termasuk empat menteri -- Tun Daim Zainuddin (Kewangan), Datuk Seri Syed Hamid Albar (Luar), Datuk Seri Rafidah Aziz (Perdagangan Antarabangsa dan Industri) dan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (Perusahaan Utama).

Juga mengiringi Perdana Menteri ialah delegasi perniagaan seramai 150 orang, diketuai Pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli, yang juga presiden Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia.

Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia memainkan peranan untuk membantu sekiranya diminta berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata beliau diberitahu oleh Abdurrahman atau lebih dikenali sebagai Gus Dur bahawa masalah Aceh sudah berkurangan.

-- BERNAMA

SJ NMO